

18 MAY 1999

Cuepacs-Rayu

CUEPACS RAYU DR MAHATHIR SELESAIKAN ISU GAJI LIMA AGENSI

KUALA LUMPUR, 18 Mei (Bernama) -- Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) akan merayu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, agar menyelesaikan tuntutan pelarasan gaji kakitangan lima badan berkanun, memandangkan tuntutan tersebut telah berlarutan agak lama.

Setiausaha agungnya, Abdul Rahman Manan berkata, kongres tersebut berharap isu itu dapat diselesaikan secepat mungkin iaitu sebelum akhir bulan ini.

"Cuepacs mengambil keputusan akan membuat rayuan kepada Perdana Menteri supaya isu tuntutan tersebut dapat diselesaikan sebelum akhir bulan ini," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Lima badan berkanun tersebut ialah Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Bank Simpanan Nasional (BSN), Tabung Haji dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT).

Lebih 10,000 kakitangan lima badan ini telah merayu sejak 1997 bagi penyelarasan gaji dengan mendakwa pendapatan mereka kurang berbanding pendapatan kakitangan sektor awam.

Abdul Manan berkata, kongres itu telah mengadakan mesyuarat khas semalam yang disertai perbincangan dengan presiden Kesatuan Kakitangan Perkeso dan wakil-wakil kesatuan terlibat, yang dipengerusikan oleh presiden Cuepacs, N. Siva Subramaniam.

Menurutnya dalam perjumpaan tersebut Cuepacs mendapat maklumat bahawa isu ini sepatutnya telah selesai beberapa bulan yang lalu, iaitu sebaik saja laporan Jabatan Perkhidmatan Awam dikemukakan kepada Kabinet.

"Bagaimanapun di saat-saat akhir memerlukan kajian dan perbandingan kos dengan pihak Perbendaharaan Malaysia. Cuepacs memang memahami beberapa prosedur yang perlu dipatuhi, namun berpendapat isu tersebut sepatutnya telah selesai," katanya.

Beliau berkata Cuepacs turut menyokong tuntutan kesatuan lima agensi terbabit agar pelarasan gaji dan kemudahan lain dilaksanakan bermula 1 Januari 1995, iaitu tarikh pelaksanaan pelarasan gaji baru kakitangan sektor awam.

-- BERNAMA

RV zb